

NO. SOALAN: 491

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

SOALAN NO. 491

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk melarang penjualan makanan yang tidak berkhasiat (*junk food*) di kantin-kantin sekolah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberikan perhatian serius terhadap kesihatan dan keselamatan murid. Usaha-usaha untuk melindung, menjaga dan memelihara kesihatan dan keselamatan murid sentiasa diberi keutamaan. Sehubungan dengan itu, KPM telah mengeluarkan Surat Siaran Larangan Penjualan Makanan Dan Minuman Yang Tidak Digalakkan Penjualannya di Kantin Sekolah bertarikh 15 Mac 2017 yang menjelaskan bahawa semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan semua sekolah hendaklah memastikan Garis Panduan Pemakanan Sihat di Sekolah yang menggariskan senarai makanan dan minuman yang boleh dijual di kantin sekolah beserta maklumat kalori dipatuhi.

Selain itu, KPM juga mengeluarkan Surat Siaran Perkhidmatan Mesin Layan Diri Di Sekolah (*vending machine*) bertarikh 26 April 2019. Selaras dengan Surat Siaran Larangan Penjualan Makanan dan Minuman Yang Tidak Digalakkan Penjualannya di Kantin Sekolah, semua perkhidmatan

NO. SOALAN: 491

mesin layan diri yang menjual makanan dan minuman yang dilarang tidak dibenarkan berada di premis dan kawasan sekolah. Kementerian juga melaksanakan Pengiktirafan Amalan Perkhidmatan Kantin Terbaik bermula tahun 2018 bertujuan meningkatkan kesedaran warga sekolah dan pengusaha kantin mengenai konsep dan pengetahuan keselamatan makanan, kepentingan membudayakan amalan kebersihan dan menerapkan budaya penyediaan makanan yang bersih, sihat dan selamat.

KPM turut menganjurkan program Pemakanan Sihat Bersama NUMEE 2019 yang dilancarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan pada 3 Julai 2019. Antara pengisian aktiviti dalam program ini adalah memberi taklimat kepada pengusaha kantin berkaitan penyediaan makanan sihat dan pameran Pemakanan Sihat dan Aktiviti Kecergasan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

RT67/491